

USIM denda pelajar langgar peraturan

Bandar Baru Nilai: Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang didapati menggunakan vape di dalam kawasan kampus akan dikenakan tindakan tatatertib dan denda, mulai bulan depan.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Musa Ahmad, berkata garis panduan berkenaan larangan menggunakan vape serta merokok di dalam kampus sedang disiapkan oleh Pejabat Undang-Undang dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar.

"Garis panduan berhubung larangan serta penguatkuasaan undang-undang mengenai vape dan rokok akan membolehkan kita mengambil tindakan penguatkuasaan sewajarnya, sekali gus memastikan Kampus USIM bebas rokok dan vape.

Guna pakai keputusan fatwa

"Kita mengguna pakai keputusan Muazakarrah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali Ke-37 yang bersidang pada 23 Mac 1995 yang memutuskan merokok haram kerana menyebabkan kemudaratan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Kakitangan Bersama Naib Canselor di sini, semalam.

Sebelum ini, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh, dilaporkan berkata semua 20 universiti awam bersetuju mengharamkan penggunaan vape atau rokok elektronik di kampus masing-masing.

Katanya, keputusan itu dicapai secara bersama oleh semua Naib Canselor di 20 universiti terbabit yang bermesyuarat minggu lalu, selaras larangan merokok yang sudah lama dikuatkuasakan sebelum ini.